

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID  
BIN HAMIDI [BAGAN DATUK]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah jaminan daripada pihak Kerajaan program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) yang dijalankan pada ketika ini tidak akan menjadi satu platform pengkaderan politik.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif program MFLS ini merupakan sebagai satu platform khusus bagi mempersiapkan 'future-ready leaders' yang akan menjadi tonggak kepimpinan pelbagai sektor pada masa hadapan.
2. Program MFLS adalah berdasarkan kepada lima (5) elemen iaitu kepimpinan, pembentukan watak dan jati diri, kenegaraan, kesukarelawanan dan keusahawanan di samping penekanan kepada nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.
3. Program MFLS terbahagi kepada 3 Tier. Pada Tier 1 peserta yang berumur di antara 15 hingga 17 tahun akan disaring di peringkat sekolah.

Mereka yang terpilih akan mengikuti program Tier 2 yang berbentuk aktiviti indoor dan outdoor selama 10 hari di Kem Wawasan Negara seluruh negara.

4. Manakala Tier 3 MFLS pula memfokuskan kepada 7 elemen iaitu kepimpinan, komunikasi, kenegaraan, pembinaan karektor, kesukarelawanan, keusahawanan dan pengantarabangsaan. Para peserta akan diberikan ruang dan peluang bagi melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti seperti Program Felo Perdana dan Felo Korporat, program kesukarelawanan bersama Malaysian Youth Volunteerism Programme (Mycorps) dan juga program pengantarabangsaan seperti Asean Culture Heritage dan Malaysia Model United Nation.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kolaborasi MFLS melibatkan pelbagai rakan strategik dengan jabatan dan agensi dari kerajaan mahupun swasta seperti Khazanah Nasional Berhad, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Selain itu, guru pengiring turut bersama-sama berada di pusat latihan untuk memantau secara langsung modul MFLS yang dijalankan. Pemantauan ke atas modul, pengisian dan kelancaran program secara berkala bagi setiap fasa pelaksanaan MFLS turut dilakukan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan dari masa ke semasa. Para ibu bapa atau penjaga kepada peserta yang hadir turut diberi peluang untuk memberikan maklum balas secara menyeluruh berkenaan program ini.

6. Pihak Kementerian juga telah mengeluarkan surat jemputan kepada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri malahan YB Menteri secara peribadi telah membuat pelawaan secara lisan ketika sidang parlimen yang lepas kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam dewan yang mulia ini untuk turun bersama bagi melihat proses pelaksanaan program MFLS dengan lebih dekat. Sekian terima kasih.